

# Sur1Mee lebih berkhasiat

Oleh Mohd Faisal Md Noor  
**bhvarsiti@bharian.com.my**

**Z**AMAN belajar biasanya memberikan pilihan yang agak terhad kepada pelajar untuk menikmati menu makan tengah hari atau malam yang bersifat mewah.

Adakahnya, terpaksa mengikat perut apabila sumber kewangan yang dimiliki semakin susut. Sering kali juga mi segera menjadi teman menggalas perut demi meneruskan kelangsungan hidup.

Jenama yang sedia ditawarkan di pasaran seolah-olah sudah sinonim dengan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), walaupun pilhananya banyak, rasa dan khasiat kandungan mi segera itu seperti sama saja.

Menyedari itu berkenaan yang sering melanda kebanyakan pelajar IPT dan kadangkala turut dialami oleh mereka yang sudah memiliki kerjaya, sekumpulan pelajar daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif menghasilkan hidangan mi segera yang bukan saja menjimatkan, bahkan mempunyai khasiat sesuai untuk pengguna.

Kumpulan yang mencipta



**KETUA** pasukan Sur1Mee, Tan Tai Boon serta pasukannya menunjukkan produk baru makanan dalam majlis sambutan hari makanan sedunia yang diadakan di UPM, Serdang baru-baru ini.

Iarkan diri mereka Fisher mee Sdn Bhd dan diketuai Tan Tai Boon itu dianggotai pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dan Teknologi, memperkenalkan mi segera berjenama Sur1Mee.


Pembungkusan menarik produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) dijalankan kira-kira 16 minggu itu juga dijangka mampu memberikan cabaran kepada produk yang sudah lama berada di pasaran.

Tan berkata, Sur1Mee yang dijual dalam cawan khas diperbuat daripada surimi 'Itoyou' gred A bukan saja kaya dengan protein dan karbohidrat, tapi turut mengandungi campuran Omega 3 yang diakui baik

untuk kesihatan jantung dan mental.

"Mi segera biasanya didatangkan dengan perisa kari atau ayam, tapi Sur1Mee ini berbeza kerana kami menumpukan perisa sup ikan asli yang kaya dengan protein. Kandungannya juga diperkaya dengan isi ikan yang lebih banyak bagi memberikan kepuasan kepada penggemar hidangan segera ini."

"Semua kandungan yang terdapat dalam Sur1Mee ini bukan saji asli, bahkan kami tidak menggunakan bahan tambahan yang boleh memudaratkan kesihatan," katanya.



Beliau berkata, kajian dijalankan mendapati kandungan tinggi protein dan karbohidrat yang terdapat dalam Sur1Mee mampu memberikan tenaga, manakala kandungan Omega 3 pula berperanan mengurangkan tahap kolesterol dan mengurangkan risiko tekanan darah tinggi.

## SUR1MEE

**Hasil inovasi:** Pelajar Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dan Teknologi, UPM

**Mengandungi:** Protein, Omega 3 dan karbohidrat

**Kelebihan:** Membekalkan tenaga untuk aktiviti harian dan mampu mengurangkan tahap kolesterol serta risiko tekanan darah tinggi

## INFO

Katanya, produk inovasi itu sedia dipasarkan pada harga paling berpatutan dan amat sesuai bukan saji bagi pelajar IPT yang sentiasa mengejar masa, bahkan untuk penggemar mi segera yang sudah berkerjaya.